Shahrizal bin Said dan satu lagi lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO P-05–9 TAHUN 2011

AZAHAR MOHAMED, BALIA YUSOF DAN ZAWAWI SALLEH HHMR

27 JUN 2013

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya 1952 — s 39B(1)(a) — Pengedaran — Tiga pertuduhan mengedar dadah — Tertuduh-tertuduh dijatuhkan hukuman mati mandatori — Rayuan oleh tertuduh-tertuduh — Dadah dijumpai dalam bilik tertuduh-tertuduh — Seorang lain turut dijumpai dalam bilik — Sama ada tertuduh-tertuduh mempunyai milikan eksklusif terhadap bilik ketika dadah-dadah ditemui — Sama ada tertuduh-tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang ditemui dalam bilik

Di Mahkamah Tinggi, perayu-perayu telah dituduh dan dibicarakan bersekali atas tuduhan mengedar dadah, suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Satu pasukan polis yang diketuai SP3 telah menyerbu premis yang didiami perayu-perayu. Pemeriksaan di dalam bilik kedua menemui plastik yang mengandungi dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan pertama. Seterusnya, SP3 menjumpai satu beg berzip mengandungi dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan kedua. Di dalam bilik pertama pula, didapati ada seorang lelaki ('SP4') dan satu beg plastik berisi daun-daun kering disyaki ganja serta 25 paket plastik lutsinar berisi serbuk dan ketulan disyaki dadah heroin turut ditemui. Pemeriksaan di bahagian dapur menemui satu beg plastik hitam mengandungi dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan ketiga. Sewaktu menjalankan pemeriksaan di premis tersebut, seorang lelaki ('SP5') telah terjun dari tingkat enam premis di mana SP3 membuat serbuan. Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu-perayu bagi pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua namun tidak bagi pertuduhan ketiga. Perayu-perayu telah diperintahkan untuk membela diri bagi pertuduhan pertama dan kedua. Dalam pembelaan mereka, perayu-perayu menafikan pengetahuan mengenai dadah yang dijumpai di dalam bilik pertama dan kedua dan di ruang dapur; dan bahawa kedua-dua perayu tidak mempunyai akses eksklusif kepada bilik kedua di mana dadah tersebut dijumpai, memandangkan SP5 mempunyai akses kepada bilik tersebut. Di akhir perbicaraan, hakim bicara mendapati perayu-perayu bersalah bagi pertuduhan pertama dan kedua, mensabitkan mereka dengan pertuduhan-pertuduhan berkenaan dan menjatuhkan

hukuman mati mandatori. Tidak berpuas hati, perayu-perayu merayu terhadap keputusan hakim bicara. A

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan pertama dan kedua ditemui oleh pihak polis dalam bilik kedua di premis berkenaan. Kedua-dua perayu mendiami bilik kedua di premis tersebut berdasarkan penemuan barang-barang peribadi mereka. Namun begitu, keterangan penting adalah tentang kehadiran SP5 dalam bilik tersebut pada masa material. Ini menunjukkan bahawa pada masa material, SP5 mempunyai akses kepada bilik tersebut dan dalam keadaan sedemikian, ini bermakna pada masa material juga, kedua-dua perayu tidak mempunyai akses atau milikan eksklusif kepada bilik tersebut (lihat perenggan 15–16). B C

(2) SP5 bukan sahaja mempunyai akses kepada bilik kedua tersebut, malahan keterangan seterusnya menunjukkan bahawa SP5 telah terjun melalui tingkap di bilik kedua untuk melarikan diri daripada ditangkap oleh pihak polis. Hakim bicara sepatutnya meneliti dan memberi pertimbangan yang sewajarnya bahawa kedua-dua perayu tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenai kewujudan dadah tersebut dalam bilik berkenaan dan bahawa dadah tersebut mungkin disembunyikan di situ oleh SP5 sendiri. Hakim bicara kelihatan menerima penafian SP5 bahawa dadah berbahaya tersebut bukan miliknya dan tidak terfikir bahawa SP5 mungkin mempunyai sesuatu motif untuk melindungi kebenaran dan berbohong sewaktu memberi keterangan (lihat perenggan 18). D E F

(3) Hakim bicara telah gagal mengarahkan diri beliau dengan betul kerana tidak melihat keseluruhan keterangan secara objektif dan dari segala sudut, di mana berkesudahan dengan kedua-dua perayu telah kehilangan peluang yang terbuka kepada mereka untuk dibebaskan dan dilepaskan. Ketidakarahan ini terjumlah kepada kesalaharahan dan dalam hal ini, suatu salah laksana keadilan mungkin telah berlaku (lihat perenggan 19). G H

(4) Sabitan dan hukuman terhadap kedua-dua perayu adalah tidak selamat. Mengambil kira fakta dan keadaan sekeliling kes ini, hakim bicara sepatutnya memutuskan, seandainya penilaian maksimum dibuat ke atas segala keterangan, bahawa pihak pembelaan telah membangkitkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. Berdasarkan alasan ini sahaja, rayuan mereka dibenarkan. Sabitan dan hukuman mati terhadap perayu-perayu diketepikan. Mereka berdua telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan-pertuduhan berkenaan (lihat perenggan 20). I

[English summary

In the High Court, the appellants were charged and tried together on a charge of trafficking in drugs, an offence under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). A team of police force led by SP3 raided the premise occupied by the appellants. An inspection in the second room revealed plastic containing drugs which was the subject matter of the first charge. Further, SP3 found a zipped bag containing drugs which was the subject matter of the second charge. In the first room, it was found that there was a man ('SP4') and a plastic bag containing dried leaves suspected to be cannabis as well as 25 packets of transparent plastic containing powder and slabs suspected to be heroin were also found. From the inspection in the kitchen it was discovered a black plastic bag containing dangerous drugs which was the subject matter of the third charge. During the inspection at the premise, a man ('SP5') jumped from the sixth floor of the premise which SP3 raided. At the end of the prosecution case, the trial judge found that the prosecution had successfully proven a prima facie case against the appellants for the first and second charges but not for the third charge. The appellants were ordered to enter their defence for the first and second charges. In their defence, the appellants denied knowledge of the drugs found in the first and second rooms and in the kitchen; and that both the appellants did not have exclusive access to the second room where the drugs were found, as SP5 had access to the room. At the end of the trial the trial judge found the appellants guilty of the first and second charges, convicted them of the charges and sentenced them to mandatory death sentence. Not satisfied, the appellants appealed against the decision of the trial judge.

Held, allowing the appeal:

(1) The drugs which were the subject matter of the first and second charge were found by the police in the second room of the premise. Both appellants occupied the second room of the premise based on the findings of their personal belongings. However, the important evidence was about presence of SP5 in the room at the material time. This showed that at the material time, SP5 had access to the room and in the circumstances, meant that at the material time, both the appellants had no access or exclusive possession to the room (see paras 15–16).

(2) SP5 not only had access to the second room, in fact the subsequent evidence showed that SP5 had jumped through the window of the second room to run away from being apprehended by the police. The trial judge should have evaluated and given appropriate consideration that both the appellants did not have any knowledge of the existence of the drugs in the room and that the drugs might have been concealed there by SP5 himself. The trial judge seemed to have accepted SP5's denial that the dangerous

drugs were not his and had not considered that SP5 might have had a motive to hide the truth and was lying when he was testifying (see para 18).

(3) The trial judge had failed to direct himself correctly for failing to see all the evidence objectively and from all angle, where it culminate with both appellants losing the opportunity open for them to be discharged and acquitted. This non-direction amounted to misdirection and in the circumstances, a miscarriage of justice could have taken place (see para 19).

(4) The conviction and sentence against both the appellants were unsafe. Taking into account the facts and surrounding circumstances of this case, the trial judge ought to have decided, if maximum evaluation was made on all the evidence, that the defence had raised reasonable doubt on the prosecution's case. Based on this ground alone, the appeal was allowed. The conviction and death sentence against the appellant was set aside. They were both discharge and acquitted from the charges (see para 20).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai s 39B(1)(a), lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 481–523.

Kes-kes yang dirujuk

Gooi Loo Seng v PP [1993] 2 MLJ 137; [1993] 3 CLJ 1, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a)
Kanun Keseksaan s 34

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–79 Tahun 2008 (Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang)

G Ravishankar (R Shankar) bagi pihak perayu-perayu.
Siti Rafidah bt Zainuddin (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Azahar Mohamed HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

PENGHAKIMAN MAHKAMAH

[1] Shahrizal bin Said ('perayu pertama') dan Zarimah bt Yusoff ('perayu kedua') telah dituduh dan dibicarakan bersama-sama dan bersekali di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dengan tiga pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dibaca dengan s 34 Kanun Keseksaan iaitu mengedar dadah berbahaya yang dikatakan dilakukan bersama-sama pada

3 Februari 2008 jam lebih kurang 3.45 petang di blok 5-6-18, Flat Desa Riang, Jalan Batu Uban 3, di dalam daerah Timur Laut, di dalam Negeri Pulau Pinang.

[2] Bagi pertuduhan pertama, mereka dituduh mengedar dadah berbahaya seberat 165.62g (heroin seberat 91.86g dan monoacetylmorphine seberat 73.76g). Bagi pertuduhan kedua, mereka dituduh mengedar dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 148.60g. Manakala bagi pertuduhan ketiga pula, mereka dituduh mengedar dadah berbahaya seberat 131g (heroin seberat 64g dan monoacetylmorphine seberat 67g).

[3] Di akhir perbicaraan, YA pesuruhjaya kehakiman ('hakim bicara') mendapati kedua-dua perayu bersalah bagi pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua dan mensabitkan mereka dengan pertuduhan-pertuduhan berkenaan. Hakim bicara telah menjatuhkan hukuman mati mandatori terhadap kedua-dua perayu. Tidak puas hati dengan keputusan tersebut, mereka telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini. Bagi pertuduhan ketiga pula, hakim bicara mendapati pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu pertama dan perayu kedua dan oleh itu, mereka berdua telah dilepaskan dan dibebaskan dari pertuduhan tersebut. Pihak pendakwaan tidak mengemukakan rayuan ke mahkamah ini berkaitan dengan keputusan hakim bicara mengenai perintah pelepasan dan pembebasan tersebut.

[4] Kami telah mendengar rayuan-rayuan yang dikemukakan oleh perayu pertama dan perayu kedua dan di akhir pendengaran, kami dengan sebulat suara memutuskan bahawa rayuan mereka adalah bermerit dan dengan yang demikian dibenarkan.

[5] Diperturunkan sekarang alasan terperinci keputusan kami.

[6] Fakta kes ini telah dihuraikan dengan terperinci oleh hakim bicara dalam penghakiman beliau yang dapat dilihat di ms 508–518, Jilid 3 rekod rayuan. Memadai di sini, kami perturunkan keterangan-keterangan yang penting sahaja yang disandarkan oleh pihak pendakwaan bagi membuktikan pertuduhan-pertuduhan mengedar dadah berbahaya tersebut. Pada 3 Februari 2008, lebih kurang jam 3 petang, Cif Inspektor Saiful Muriz bin Abd Rahman ('SP3') telah mengetuai satu pasukan polis membuat serbuan di premis yang mana alamatnya seperti tertera di pertuduhan-pertuduhan yang berkenaan.

[7] SP3 mendapati pintu gril tidak berkunci tetapi pintu kayu pula berkunci. SP3 telah mengetuk beberapa kali pintu kayu premis tersebut. Oleh kerana pintu tidak dibuka, anggota serbuan telah menendang pintu kayu tersebut sehingga pecah. SP3 dan anggota serbuan telah masuk ke dalam premis

tersebut di mana perayu pertama dan perayu kedua dilihat sedang duduk di atas sebuah sofa. Perayu pertama kemudiannya dikatakan bangun dan cuba melarikan diri ke dalam bilik kedua.

[8] SP3 kemudiannya telah menjalankan pemeriksaan di dalam bilik kedua tersebut. SP3 telah memeriksa pada bahagian atas almari pakaian yang berada di belakang pintu dan telah menjumpai satu beg plastik bertulis 'DHL Express'. Di bawah sebuah meja kecil di bilik kedua itu, SP3 mendapati satu beg plastik berwarna kuning bertulis 'Sunshine'. Di dalam kedua-dua beg plastik itu didapati mengandungi dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan pertama. SP3 turut menjumpai di bawah meja kecil yang sama satu beg berzip warna oren bertulis 'HP Invent' yang didapati mengandungi dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan kedua.

[9] Kemudiannya, SP3 telah pergi ke bilik pertama. Pintu bilik pertama didapati bertutup dan berkunci. SP3 telah mengetuk pintu itu beberapa kali dan mengarahkan pintu tersebut dibuka, jika tidak pintu akan dipecahkan. Apabila pintu dibuka, didapati ada seorang lelaki, Johari bin Mohamad Said ('SP4') di dalam bilik tersebut. Pemeriksaan di dalam almari pakaian telah menjumpai satu beg plastik 'Cap Ikan Naga Emas'. Di dalamnya terdapat 14 plastik lutsinar berisi daun-daun kering disyaki dadah ganja. Turut dijumpai, satu kotak bertulis 'Lucca Bossi' yang di dalamnya terdapat 25 paket plastik lutsinar berisi serbuk dan ketulan disyaki dadah heroin. Manakala dua *sealer*, alat penimbang, paket-paket plastik kosong dan pemetik gas dijumpai di atas lantai bilik pertama tersebut.

[10] Seterusnya, SP3 telah membuat pemeriksaan di bahagian dapur. Di dalam kabinet yang bertutup setelah dibuka, dijumpai satu beg plastik hitam yang mengandungi dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan ketiga.

[11] Kemudiannya, SP3 telah memeriksa semula bilik kedua di mana SP3 telah menjumpai dokumen peribadi perayu pertama iaitu kad pengenalannya di dalam dompet di dalam poket seluar yang tergantung di belakang pintu bilik; buku simpanan ASB atas nama perayu pertama, keputusan SRP atas nama perayu pertama, bil Astro atas nama perayu pertama dijumpai di dalam laci meja solek di bilik tersebut dan gambar perkahwinan perayu pertama dan perayu kedua dijumpai di dalam laci meja solek.

[12] Sewaktu SP3 sedang menjalankan pemeriksaan di premis tersebut, beliau telah dimaklumkan oleh seorang anggota serbuan bahawa terdapat seorang lelaki (kemudiannya dikenali sebagai Azeman bin Ibrahim ('SP5') yang didapati berada dalam keadaan terlentang di atas bumbung kereta di

tingkat bawah. SP3 telah diberitahu oleh SP5 bahawa dia telah terjun dari premis di mana SP3 membuat serbuan.

[13] Berdasarkan, antara lain, kesemua keterangan seperti yang dinyatakan di atas, hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu pertama dan perayu kedua bagi pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua. Dengan itu, mereka berdua telah diperintahkan untuk membela diri. Bagi pertuduhan ketiga pula, hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes prima facie terhadap mereka berdua. Oleh itu, seperti yang telah kami nyatakan sebelum ini, perayu pertama dan perayu kedua telah dilepaskan dan dibebaskan dari pertuduhan ketiga.

[14] Di peringkat kes pembelaan, perayu pertama memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah dari kandang saksi, manakala perayu kedua memilih untuk memberi kenyataan secara bertulis (eksh D113) dari kandang orang salah. Teras pembelaan perayu pertama dan perayu kedua adalah mereka tidak mengetahui mengenai dadah yang dijumpai dalam pelbagai bekas di bilik pertama, bilik kedua dan di ruang dapur tersebut. Perayu pertama dan perayu kedua menyatakan bahawa mereka tidak berada di premis tersebut dari jam 8.30 pagi, 2 Februari 2008 sehingga jam 2 petang, 3 Februari 2008.

[15] Di hadapan kami, hujahan utama yang dikemukakan oleh peguam bagi menyokong rayuan perayu pertama dan perayu kedua adalah hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mengarahkan diri beliau dengan betul sama ada perayu pertama dan kedua memiliki dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua. Peguam telah berhujah bahawa kedua-dua perayu tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang dadah berbahaya tersebut. Menurut peguam lagi, kedua-dua perayu tidak mempunyai akses eksklusif kepada bilik kedua di mana dadah berbahaya tersebut dijumpai oleh SP3, memandangkan SP5 mempunyai akses kepada bilik tersebut. Peguam menambah, dadah berbahaya berkenaan telah disembunyikan dalam bilik kedua tersebut tanpa pengetahuan mereka. Dengan yang demikian, menurut peguam, kedua-dua perayu dari segi undang-undang tidak boleh dikatakan memiliki dadah berbahaya yang berkenaan.

[16] Berdasarkan fakta kes ini, kami mendapati hujahan peguam tersebut adalah bermerit. Fakta yang tidak dapat dipertikaikan adalah dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua ditemui oleh pihak polis dalam bilik kedua di premis yang berkenaan. Memang benar bahawa kedua-dua perayu mendiami bilik kedua di premis tersebut berdasarkan penemuan barang-barang peribadi mereka. Namun keterangan penting adalah tentang kehadiran SP5 dalam bilik itu pada masa yang material.

Ini menunjukkan bahawa pada masa yang material, SP5 mempunyai akses kepada bilik tersebut dan dalam keadaan yang sedemikian ini bermakna pada masa material juga, kedua-dua perayu tidak mempunyai akses atau milikan eksklusif kepada bilik tersebut.

[17] Dalam kes *Gooi Loo Seng v Public Prosecutor* [1993] 2 MLJ 137; [1993] 3 CLJ 1, tertuduh dipertuduh mengedar dadah berbahaya iaitu heroin dan di akhir perbicaraan, beliau telah disabitkan dengan kesalahan dan dihukum mati oleh Mahkamah Tinggi. Keterangan saksi pendakwa ialah bahawa heroin tersebut dijumpai di bilik tidur tertuduh. Seterusnya saksi pendakwa menyatakan bahawa tertuduh sendiri yang menjumpai heroin tersebut dari dalam sebuah almari di bilik tidur berkenaan dan keterangan ini adalah berbeza sama sekali dengan kandungan dokumen semasa, senarai carian, yang menyebutkan bahawa heroin tersebut ditemui oleh pegawai polis yang bertanggungjawab dalam operasi tersebut. Pembelaan tertuduh ialah bahawa beliau tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenai heroin tersebut. Beliau menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai akses eksklusif kepada bilik tidur tersebut memandangkan teman wanitanya dan beberapa rakan teman wanitanya yang pernah diundang oleh teman wanitanya untuk bermain terup juga mempunyai akses kepada bilik tidur tersebut. Mahkamah Agung (pada masa itu) telah membenarkan rayuan tertuduh dan sabitan dan hukuman mati yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi telah diketepikan. Edgar Joseph Jr HMS dalam menyampaikan penghakiman mahkamah telah berkata:

> We need hardly add, that even if the appellant had known of the presence of the heroin in his bedroom, that by itself would not have been sufficient to establish that he was in possession or in control of it given the fact that others too, and certainly his girlfriend Tan Ah Kwai, had access to the bedroom and could have concealed the heroin there. At the end of the day this was a case of the proverbial cap which might have fitted not just the head of the appellant but that of others as well.

[18] Berbalik kepada kes di hadapan kami, bukan sahaja SP5 mempunyai akses kepada bilik kedua tersebut, malahan keterangan seterusnya menunjukkan bahawa SP5 telah terjun melalui tingkap di bilik kedua. Nampaknya, SP5 telah berani menggadaikan nyawanya dengan terjun dari tingkat enam kerana hendak melarikan diri daripada ditangkap oleh pihak polis. Dalam hal keadaan yang sedemikian, pada hemat kami, hakim bicara sepatutnya meneliti dan memberi pertimbangan yang sewajarnya bahawa kedua-dua perayu tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenai kewujudan dadah berbahaya tersebut dalam bilik yang berkenaan dan bahawa dadah berbahaya itu mungkin disembunyikan di situ oleh SP5 sendiri. Hakim bicara kelihatan menerima penafian SP5 yang dadah berbahaya tersebut bukan milik beliau. Hakim bicara dalam menerima penafian SP5 itu nampaknya tidak terfikir bahawa SP5 mungkin mempunyai sesuatu motif untuk

melindungi kebenaran dan berbohong sewaktu memberi keterangan di mahkamah dengan mengambil kira bahawa SP5 sendiri merupakan orang yang disyaki dengan jelasnya apabila beliau sanggup menggadaikan nyawanya dengan terjun dari tingkat enam.

[19] Pada hemat kami, hakim bicara telah gagal mengarahkan diri beliau dengan betul kerana tidak melihat keseluruhan keterangan secara objektif dan dari segala sudut, di mana berkesudahan dengan kedua-dua perayu telah kehilangan peluang yang terbuka kepada mereka untuk dibebaskan dan dilepaskan. Pada hemat kami, ketidakarahan ini terjumlah kepada kesalaharahan dan dalam hal ini, suatu salah laksana keadilan mungkin telah berlaku. Dalam hubungan ini, Edgar Joseph Jr HMS dalam kes *Gooi Loo Seng v Public Prosecutor* itu telah berkata:

> Clearly, therefore, the trial judge, was bound to, but did not view the whole of the evidence objectively and from all angles, with the result that the appellant had lost the chance which was fairly open to him of being acquitted. On this point, we consider that non-direction amounts to a misdirection, for, in the words of Pickford J in *R v Bundy* 5 Cr App R 270:
>
> > the trial was not satisfactory, and the case was not put to the jury in a way to ensure their due appreciation of the value of the evidence.
> >
> > We must treat the failure of a trial Judge sitting alone, to direct himself correctly in the same was a failure to direct a jury correctly. In these circumstances, a miscarriage of justice may well have occurred.

[20] Setelah menimbangkan dengan teliti dan berhati-hati semua keterangan yang terkandung dalam rekod rayuan serta juga hujah kedua belah pihak, kami mendapati bahawa sabitan dan hukuman terhadap kedua-dua perayu adalah tidak selamat. Mengambil kira fakta dan keadaan sekeliling kes ini, hakim bicara sepatutnya memutuskan, seandainya penilaian maksimum dibuat ke atas segala keterangan, bahawa pihak pembelaan telah membangkitkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. Dengan yang demikian, berdasarkan alasan ini sahaja, rayuan mereka dibenarkan. Kami mengenepikan sabitan dan hukuman mati terhadap kedua-dua perayu yang dijatuhkan oleh hakim bicara. Mereka berdua telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan-pertuduhan yang berkenaan.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor